

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2017

Masjid Jamek KL kini Masjid Jamek Sultan Abdul Samad

UM- 24/6/2017 pg. 3

KUALA LUMPUR 23 Jun - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini berkenan merasmikan penamaan semula Masjid Jamek Kuala Lumpur kepada Masjid Jamek Sultan Abdul Samad.

Baginda tiba di masjid yang terletak di Jalan Tun Perak itu kira-kira pukul 12.45 tengah hari, disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Beta telah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, dengan ini beta merasmikan penamaan semula Masjid Jamek Kuala Lumpur kepada Masjid Jamek Sultan Abdul Samad,” titah baginda.

Turut berkenan berangkat ke majlis tersebut, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri.

Sultan Selangor dan Najib serta ratusan jemaah lain kemudiannya menunaikan solat Jumaat yang diimamkan Jamil Khir.

Sementara itu, Jamil Khir ketika membacakan khutbah berката, masjid itu telah dibuka pada zaman Sultan Selangor kelima, Sultan Alauddin Sulaiman Shah, sekali gus menunjukkan bahawa raja-raja Melayu sememangnya menitikberatkan pembangunan Islam, khususnya dalam aspek



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH mengaminkan doa selepas berkenan merasmikan bersama Najib Tun Razak dan Azmin Ali pada Majlis Penamaan Semula Masjid Jamek Kuala Lumpur yang kini dikenali Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ZAINI HUSIN

pembinaan masjid.

Tambah beliau, pembinaan masjid itu dapat meningkatkan lagi kepesatan Kuala Lumpur sebagai ibu negeri Selangor ketika zaman tersebut, selain menjadi mercu tanda perkembangan syiar Islam di Kuala Lumpur.

“Ini adalah satu bukti kukuh bahawa peningkatan ekonomi dan kemakmuran berkait rapat dengan pembinaan masjid.

“Menurut rekod, masjid ini merupakan masjid tertua di Kuala Lumpur dan menjadi masjid

utama bagi solat Jumaat dan Pusat Aktiviti Islam, sebelum pembinaan Masjid Negara pada tahun 1967,” katanya.

Jelas beliau, masjid itu telah dibina di atas tanah perkuburan Melayu pertama di Kuala Lumpur apabila semua kubur dipindahkan ke Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang serta Taman Ibu Kota.

Tambahnya, masjid itu juga mengambil masa selama sembilan bulan untuk disiapkan dengan kos sebanyak RM32,615 hasil peruntukan kerajaan dan kutipan dari-

pada para jemaah.

Dalam pada itu, Tengku Adnan dalam satu kenyataan berkata, penamaan semula masjid tersebut adalah atas hasrat Sultan Selangor sendiri memandangkan lokasi asal masjid itu dahulunya berada di dalam negeri Selangor.

Katanya, langkah itu juga sebagai suatu inisiatif dalam memelihara khazanah negara yang merupakan antara ikon pelancongan negara, selain kawasan sekitarnya telah dinaik taraf melalui projek River of Life.